



KENYATAAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera
16 April 2024

DATO' ABDUL RAHMAN AHMAD DILANTIK SEBAGAI PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN PERMODALAN NASIONAL BERHAD

Kuala Lumpur, 16 April 2024: Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB) hari ini mengumumkan pelantikan Dato' Abdul Rahman Ahmad sebagai Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB), berkuat kuasa 1 Julai 2024.

Dato' Abdul Rahman ketika ini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (GCEO) Kumpulan CIMB dan Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Bank Berhad, dan telah berkhidmat sejak tahun 2020. Beliau membawa bersama pengalaman kepimpinan lebih 20 tahun dalam pelbagai perkhidmatan kewangan dan sektor korporat, termasuk Malaysian Resources Corporation Berhad, Media Prima Berhad dan Ekuiti Nasional Berhad. Dato' Abdul Rahman juga merupakan bekas Pengerusi Bukan Eksekutif Bukan Bebas Sime Darby Berhad dan Velesto Energy Berhad.

Sebelum menjawat jawatan terkini sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan CIMB, Dato' Abdul Rahman pernah berkhidmat sebagai Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB dari tahun 2016 hingga 2019, dan memainkan peranan penting dalam memacu transformasi strategik PNB.

Lembaga Pengarah PNB mengalu-alukan kepulangan Dato' Abdul Rahman dalam menyediakan kesinambungan dan memacu pelaksanaan Pelan Strategik PNB yang baru dibangunkan serta membantu melaksanakan matlamat PNB untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad